



# Pendidikan

→ Ikuti lebih berita di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)

## Beri sokongan emosi kepada murid mangsa bencana banjir

Oleh Dr Noradilah Md Nordin



Universiti Malaysia  
Pahang

Sesudah tertangguh seminggu susulan banjir buruk yang melanda di beberapa buah negeri, sesi persekolahan bermula hari ini. Walaupun pelbagai kemudahan diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), misalnya kebenaran untuk tidak memakai seragam sekolah selain mengantikan sejumlah 263,662 buku teks rosak membabitkan 14,422 murid di seluruh negara, namun bagaimana dengan sokongan emosi dan psikolog?

Sebenarnya, banjir yang melanda bukan hanya memberi impak yang negatif seperti kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa malah turut memberi kesan gangguan emosi kepada kanak-kanak walaupun dia hanya kanak-kanak.

Perasaan sedih, risau dan takut antara contoh gangguan emosi yang timbul susulan bencana yang berlaku. Tambahan pula, negara kita masih berperang dengan wabak COVID-19 dan keadaan ini meningkatkan lagi tahap kegelisahan.

Malah, terdapat keberangkalian yang tinggi untuk mangsa banjir mengalami gangguan psikologi dan kerumitan dalam meneruskan rutin kehidupan seperti sedia kala sekiranya tidak mampu segera beradaptasi dengan situasi itu.

Justeru, langkah-langkah yang proaktif dan komprehensif perlu dilakukan bagi memastikan kesihatan psikologi mangsa banjir berada pada tahap yang baik. Usaha yang komprehensif bukan sahaja dalam bentuk bantuan material dan sumbangan tetapi juga bentuk pengurusan emosi mangsa perlu dititik beratkan.

Antara golongan yang perlu diberi perhatian dan bantuan segera adalah golongan murid sekolah yang terkesan bencana banjir. Bantuan itu tidak hanya tertumpu kepada bentuk material seperti pemberian pakakan dan peralatan sekolah, malah ia perlu membatih aspek bimbingan pengurusan emosi murid bagi mengurangkan tekanan dan trauma yang sedang dialami.

Dari aspek psikologi, murid sekolah yang terbatib dengan banjir memerlukan masa untuk memahami apa yang sedang berlaku dalam kehidupan mereka dan menerima hakikat musibah yang dialami. Oleh itu, usaha berterusan dan menyeluruh daripada pihak KPM, pentadbir sekolah dan guru dilihat amat penting dalam situasi pasca banjir.

Justeru, inisiatif awal daripada pihak KPM menangguhkan sesi persekolahan perlu diberi pulih. Hal ini kerana ia membuang mengurangkan keseksutan fikiran susulan kerosakan di dalam. Penangguhan itu juga memberi ruang kepada mangsa banjir terutama mereka yang mempunyai anak berskolah menyelesaikan dahu lu perkara asas seperti membersihkan keadaan rumah yang terjejas dan membikai kenderaan yang rosak.

Malah, penangguhan sesi persekolahan memberi nafas lega kepada murid kerana secara tidak langsung ia mengurangkan tekanan untuk menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Bencana banjir sudah tentu tidak mengizinkan mereka mengikuti PdP dalam keadaan keturangan kelengkapan persekolahan yang musnah akibat banjir.

Selain itu, keadaan sekolah yang terjejas dengan banjir juga dapat dipulihkan bagi memastikan kemudahan sekolah yang rosak termasuklah perabot, buku dan peralatan komputer dapat digunakan sebelum sesi persekolahan bermula. Umumnya, penangguhan sesi persekolahan adalah wajar bagi memberi ruang kepada pelbagai pihak untuk menyelesaikan perkara yang asas.



Fokus

(Foto hisan)

### Pengurusan emosi

#### 1 Program pasca banjir

Bantuan pengurusan emosi murid sekolah perlu seiring dengan bantuan-bantuan yang lain. Program ziarah pasca banjir oleh guru-guru di pusat penempatan sementara (PPS) atau di rumah keluarga murid sekolah yang terkesan perlu dilakukan sebagai tanda prihatin pihak sekolah dengan keadaan mereka. Secara psikologi, apabila terdapat proses komunikasi semasa aktiviti ziarah antara guru dan murid yang menjadi mangsa banjir maka mereka akan rasa dihargai. Malah, murid sekolah akan berasa guru-guru mengambil berat akan musibah yang sedang menimpah mereka dan secara tidak langsung mengurangkan kesedihan yang sedang dialami.



#### 2 Alihkan kesedihan dengan permainan, seni

Bagi memaksimumkan bantuan pemulihran psikologi akibat trauma kesan bencana banjir, guru-guru dari masa ke masa harus memberi bantuan berbentuk sokongan emosi kepada murid sekolah yang terkesan sehingga keadaan kembali seperti sedia kala. Antara aktiviti berbentuk sokongan yang boleh dilakukan oleh guru-guru bagi meredakan trauma murid sekolah adalah pengisian

aktiviti berbentuk permainan. Kajian oleh ahli psikologi membuktikan bahawa aktiviti bermain membantu kanak-kanak untuk mengurangkan kebimbangan dan konflik yang berlaku dalam kehidupan mereka.

Oleh itu, aktiviti permainan yang menyeronokkan seperti jigsaw puzzle, domino, congkak, roda impian dan lain-lain lagi adalah antara salah satu aktiviti terapi kepada murid sekolah yang terkesan banjir bagi membantu mereka melupakan sementara waktu kesedihan dan trauma yang dialami.

#### 3 Ambil masa bercakap dengan murid, kaunseling

Bagi guru bimbingan kaunseling boleh menjalankan sesi kaunseling dan program motivasi dengan murid sekolah yang memerlukan ketika itu terutamanya yang dilokan mengalami trauma bencana banjir. Sesi kaunseling dan program motivasi dengan murid sekolah amat penting untuk membantu memperbaiki proses adaptasi kesan bencana yang menimpah mereka.

Selain itu, pentadbir sekolah perlu merangka program bantuan kepada murid sekolah yang terkesan. Penyertaan guru-guru sebagai sukarelawan dalam program bantuan yang dirancang amat dilakukannya. Ini kerana mereka adalah sistem yang terdekat dengan murid. Pelajar yang menjadi mangsa banjir perlu dikenal pasti dan disenaraikan supaya pelbagai jenis bantuan dapat disalurkan mengikut keperluan.

Antara contoh program yang boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah adalah derma kilat, sumbangan kelengkapan sekolah dan makaman asas. Hasil sumbangan yang dihulurkan perlu dilasurkan kepada keluarga murid sekolah yang amat memerlukan bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Kesimpulannya, bantuan yang menyeluruh seharusnya bukan hanya tertumpu kepada aspek material dan tenaga semata-mata, malah bantuan pengurusan emosi murid sekolah perlu dilakukan seiring. Oleh itu, diharapkan bantuan yang menyeluruh tersebut sedikit sebanyak dapat meringankan beban emosi yang dialami oleh murid sekolah di samping memberikan sinar baharu kepada mereka untuk memulakan kehidupan seperti biasa.